

'Segerakkan projek air bersih di Kelantan'

RM500 juta disalurkan bagi laksana Loji Rawatan Air Tok Bali

Oleh Hidayatidayu Razali
bhnews@nstp.com.my

Bachok: Perdana Menteri mahu projek Loji Rawatan Air Tok Bali dan penggantian paip air di

Bachok dilaksanakan segera bagi menyelesaikan masalah bekalan air bersih di Kelantan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebanyak RM500 juta disalurkan segera bagi pelaksanaan projek berkenaan.

"Namun, ia (peruntukan) perlu diuruskan mengikut saluran yang betul. Peruntukan ini adalah sebahagian daripada peruntukan sebanyak RM1.7 bilion yang diumumkan sebelum ini untuk menyelesaikan masalah air.

"Peruntukan itu bagi penggantian paip di Bachok dan Projek Loji Air di Tok Bali,



Anwar beramah mesra dengan sebahagian mahasiswa di Dewan Universiti Malaysia Kelantan. Bachok (UMK), semalam.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Pasir Puteh," katanya, semalam.

Beliau berkata demikian pada Program Temu Anwar Kelantan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), yang disertai lebih 5,000 hadirin, termasuk penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT) Kelantan.

Projek dikendalikan bersama

Anwar berkata, peruntukan itu adalah susulan daripada per-

bincangan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Kelantan sebelum ini.

"Rakyat hendak air bersih. Jadi kita bincang (dengan kerajaan Kelantan). Saya kata nak minta banyak sangat (peruntukan) tidak boleh. Jadi, kita mulakan projek, tetapi ia dikendalikan bersama (Kerajaan Persekutuan dan Kelantan)," katanya.

Media sebelum ini melapor-

kan, Kelantan memohon peruntukan lebih RM8 bilion daripada Kerajaan Persekutuan bagi menyelesaikan masalah air di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utiliti Kelantan, Datuk Azami Mohd Nor, berkata permohonan dibuat kepada Perdana Menteri untuk penyelesaian jangka masa pendek dan panjang.